



## KEJOHANAN MOUNTAINBIKE KEBANGSAAN 2023 MALAYSIA MOUNTAINBIKE NATIONAL CHAMPIONSHIP 2023

# PERATURAN SPESIFIK KEJOHANAN

### 1. PENGENALAN / INTRODUCTION

Dokumen ini meringkaskan maklumat yang diperlukan oleh Persatuan Negeri untuk menyertai Kejohanan MTB Kebangsaan Malaysia 2023.

*This document summarizes the information needed by State Cycling Associations for participating in Malaysian Mountain Bike Championships 2023.*

### 2. PERATURAN / RULES

Kejohanan MTB Kebangsaan Malaysia 2023 akan dijalankan mengikut undang-undang dan peraturan terkini Union Cycliste Internationale (UCI) dan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM). Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan faham dengan terjemahan peraturan dalam Bahasa Malaysia, peraturan UCI bahasa Inggeris akan diguna pakai. Apa-apa kes yang tidak diliputi oleh peraturan, hendaklah ditangani dengan sewajarnya;

*The Malaysian National Mountain Bike Championships, 2023 will be conducted in accordance with latest Rules and Regulations of the Union Cycliste Internationale (UCI) and Malaysian National Cycling Federation (MNCF). In case of disagreement in the translation of the rules, the English text shall prevail. Any unforeseen cases not covered by the regulation shall be dealt with accordingly:*

Isu-isu am : Diselesaikan mengikut Perlembagaan UCI dan PKBM  
General issues : Resolved in accordance with UCI and MNCF Constitution

Isu teknikal : Diselesaikan selaras dengan Peraturan UCI  
General issues : Resolved in accordance with the spirit of the UCI rules

Skala penalti UCI adalah satu-satunya yang digunapakai.

*The UCI penalty scale is the only one applicable.*

### 3. PENYERTAAN / PARTICIPATION

Mengikut peraturan UCI, semua Persatuan Berbasikal Negeri yang bergabung dengan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) boleh mengambil bahagian dalam Kejohanan MTB Kebangsaan Malaysia 2023.

*As per UCI regulation, all State Cycling Associations affiliated to the Malaysian National Cycling Federation (MNCF) can take part in the 2023 Malaysian National Mountain Bike Championships.*

### 4. UMUR / COMPETITOR'S AGE

Penyertaan dalam kategori Elit hendaklah bagi pelumba yang dilahirkan pada tahun 2004 dan ke bawah (19 tahun dan ke atas). Penyertaan dalam pertandingan kategori junior adalah bagi pelumba yang dilahirkan pada 2006 dan 2005 (17-18 tahun). Hanya untuk DHI, persaingan kategori Elit terbuka kepada pelumba yang dilahirkan pada tahun 2006 dan ke bawah (berumur 17 tahun ke atas).

*Participation in elite competitions shall be open to riders born in 2004 and below (19 years old and above). Participation in junior competitions shall be open to riders born in 2006 and 2005 (17-18 years old). Only for DHI, Elite competition open to riders born in 2006 and below (17 years old and above).*

## 5. PROSEDUR PENDAFTARAN / REGISTRATION PROCEDURE

Semua Persatuan Negeri hendaklah mengembalikan borang penyertaan sebelum **25 Julai 2023** sama ada melalui e-mel ke PKBM.

*All State Associations shall return their entry form before **25 Julai 2023** either by email to Malaysian National Cycling Federation.*

### **Downhill Individual (DHI):**

Lelaki Elit, 17 tahun ke atas. (*Men Elite, 17 years and above*) \*

Wanita Elit, 17 tahun ke atas. (*Women Elite, 17 years and above*) \*

### **Cross Country Olympic (XCO)**

### **Cross Country Eliminator (XCE)**

### **Cross Country Olympic (XCC):**

ME) Lelaki Elit, 19 tahun ke atas. (*Men Elite, 19 years and above*) \*

WE) Wanita Elit, 19 tahun ke atas. (*Women Elite, 19 years and above*) \*

MU) Lelaki Bawah 23, (19 - 22 tahun). (*Men Under 23, 19 - 22 years*) \*

WU) Wanita Bawah 23, (19 - 22 tahun). (*Women Under 23, 19 - 22 years*) \*

MJ) Lelaki Junior, 17 & 18 tahun. (*Men Junior, 17 & 18 years*) \*

WJ) Wanita Junior, 17 & 18 tahun. (*Women Junior, 17 & 18 years*) \*

**(\* Registered with UCI calendar with UCI Points**

Individual registration:

(Non-UCI Event, Non-State Registration, UCI ID required, non State Jersey)

MY) Lelaki Youth, 13 - 16 tahun. (*Men Youth, 13 - 16 years*)

WY) Wanita Youth, 13 -16 tahun. (*Women Youth, 13 - 16 years*)

MO) Lelaki Terbuka (*Men Open, 17-34 years*)

WO) Wanita Terbuka (*Women Open, 17 years and above*)

MA) Lelaki Master A, 35 - 44 tahun (*Men Master A, 35 - 44 years*)

MB) Lelaki Master B, 45 tahun dan ke atas (*Men Master B, 45 years and above*)

## 6. PENYERTAAN SETIAP PASUKAN NEGERI / ENTRIES PER STATE TEAMS Tiada had penyertaan / no limit for entries

## 7. MESYUARAT / MEETINGS

Mesyuarat Pengurus Pasukan akan berlangsung pada **27 Julai 2023 (Khamis) jam 9.00 pagi** di **Aras 1, Bike Park, Taman Cabaran Putrajaya, Presint 5, Putrajaya** bagi semua acara. Pengurus diingatkan untuk membawa bersama mereka lesen (2023) pengurus pasukan, pelumba, kad pengenalan pelumba junior dan jersi pasukan mereka semasa mengesahkan permulaan mereka.

*The Team Managers meeting shall take place on **27 Julai 2023 (Thursday) at 9.00 am** at the **Aras 1, Bike Park, Taman Cabaran Putrajaya, Presint 5, Putrajaya** for all events. Managers are reminded to bring with them licenses (2023) of Team managers, riders, Malaysian ID of junior riders and their team jerseys while confirming their starters.*

Kecuali mempunyai alasan yang munasabah, seorang pelumba yang telah disenaraikan dalam senarai mula perlumbaan gagal untuk hadir, pelumba dikenakan denda CHF 500 hingga CHF 5000. Kecederaan atau penyakit tidak akan diterima sebagai keadaan yang sah melainkan pelumba itu diisahkan tidak sihat bertanding oleh doktor.

*Unless due to force majored, a rider once announced as taking the start and who fails to present, shall*

*be liable to a fine of CHF 500 to CHF 5000. Injury or illness will not be accepted as a valid circumstance unless the rider is declared unfit to start by the official doctor.*

## **8. WAKIL PASUKAN / TEAM REPRESENTATION**

Setiap Pasukan Negeri akan diwakili oleh seorang Pengurus Pasukan. Mana-mana maklumat untuk pasukan akan dibuat melalui Pengurus Pasukan. Nombor plat pelumba akan diberikan kepada Pengurus Pasukan semasa pendaftaran pengesahan.

*Each state cycling association shall designate a Team Manager. The Team Manager shall represent the team and any contacts with teams shall be made through the Team Manager. The rider's plate number will be given to the Team Manager during registration confirmation.*

## **9. PAKAIAN PERLUMBAAN / RACE CLOTHING**

Pemakaian pakaian Pasukan Negeri masing-masing adalah **DIWAJIBKAN**. (UCI Event)

Peserta individu bebas memakai pakaian masing-masing. (Non-UCI Event)

*The wearing of State Team Clothing's shall be mandatory.*

*Individual riders can wear any jersey.*

## **10. PERALATAN / EQUIPMENT**

Peralatan yang digunakan mesti mematuhi peraturan UCI. Semua peserta hendaklah memastikan bahawa peralatannya (basikal, aksesori dan alat lain yang dipasang, helmet, pakaian, dan lain-lain) berdasarkan kualiti, bahan atau reka bentuknya, tidak membahayakan kepada diri pelumba atau kepada orang lain. Semua peralatan hendaklah diperiksa oleh komisar secara rawak.

*Equipment used in cycling competitions must comply with the UCI rules and regulation. All participants shall ensure that his equipment (bicycle with accessories and other devices fitted, headgear, clothing, etc) does not by virtue of its quality, material or design, constitute any danger to himself or to others. All equipment shall be checked by the commissaire at random.*

### **Aksesori pakaian dan pelindung untuk Downhill Individu**

*Clothing and protective accessories for Individual Downhill*

4.3.012 Helmet penuh hendaklah dipakai dengan kemas semasa berlumba dan semasa menjalani latihan. Helmet harus dipasang dengan visor. Helmet terbuka tidak boleh dipakai.

4.3.012 *A full-face helmet must be worn properly both when racing and when training on the course. The helmet must be fitted with a visor. Open-face helmets may not be worn.*

4.3.13 UCI mengesyorkan memakai perlindungan berikut:

- Pelindung belakang, siku, lutut dan bahu;
- Perlindungan untuk tengkuk leher dan vertebra serviks;
- Padding pada tulang kering dan paha;
- Seluar panjang yang diperbuat daripada bahan tahan koyak yang menggabungkan perlindungan untuk lutut dan betis, atau seluar pendek yang diperbuat daripada bahan tahan koyak serta wajib pelindung lutut dan betis dengan permukaan keras;
- Kemeja lengan panjang;
- Sarung tangan jari penuh.

Semua pakaian jenis lycra-elastaine tidak dibenarkan.

4.3.13 *The UCI strongly recommends that riders wear the following protection:*

- *Back, elbow, knee and shoulder protectors made of rigid materials;*
- *Protection for the nape of the neck and the cervical vertebrae;*
- *Padding on shins and thighs;*
- *Broad full-length trousers made from rip-resistant material incorporating protection for the knees and calves, or broad-cut shorts made from rip-resistant material plus knee and calf*

protectors with a rigid surface;

- Long sleeved shirt;
- Full finger gloves.

All lycra-elastaine based tight-fitting clothing is not permitted.

## 11. JADUAL PERLUMBAAN / RACE PROGRAMME

TARIKH	MASA	PERKARA	TEMPAT
27.02.2023 Khamis	09:00 – 13:00	Pendaftaran Pasukan	Aras 1, Bike Park Taman Cabaran Putrajaya
		Pemeriksaan Lesen & Jersi	
		Track Inspection DHI & XCO	
	15:00 – 16:00	Mesyuarat Pengurus Pasukan	
	15:00 – 18:00	Official training XCO * Official Training DHI	
	18:00 – 19:00	Mesyuarat Teknikal (Komisar/ Marshall/ Protokol)	
28.07.2023 Jumaat	09:00 – 10:00	<b>XCO</b> – WY, MY	Taman Cabaran Putrajaya
	14:30 – 17:00	<b>XCC</b> – WY, MY, MM B, MM A, Wo, Mo, WJ, MJ, WU23, MU23, WE, ME	
	17:30 – 18:30	<b>Penyampaian Hadiah</b> XCO – WY, MY WCC – WY, MY, MM B, MM A, Wo, Mo, WJ, MJ, WU23, MU23, WE, ME	
29.07.2023 Sabtu	09:00 – 10:00	<b>DHI Official Practice</b> – ME & WE	
	10:30 – 11:30	<b>XCE Qualifying</b> – MMB, MM A, WO & MO, WY, MY, WJ, MJ, WU23, MU23, WE & ME	
	12:00 – 13:30	<b>XCE Elimination Heats</b> - MMB, MM A, WO & MO, WY, MY, WJ, MJ, WU23, MU23, WE & ME	
	14:00 – 14:30	<b>XCE Small &amp; Big Finals</b> - MMB, MM A, WO & MO, WY, MY, WJ, MJ, WU23, MU23, WE & ME	
	15:30 – 16:30	<b>Official Timed Run DHI</b> – ME & WE	
	17:00 – 18:00	<b>Penyampaian Hadiah</b> XCE – MMB, MM A, WO & MO, WY, MY, WJ, MJ, WU23, MU23, WE & ME	
30.07.2023 Ahad	09:00 – 10:00	<b>Final Run DHI</b> – ME & WE	
	10:30 – 12:00	<b>XCO</b> – WE, WU23, WJ	
	12:00 – 13:00	<b>XCO</b> – MM B, WO, MM A, MO	
	13:30 – 15:00	<b>XCO</b> – ME, MU23, MJ	
	15:30 – 16:30	<b>Penyampaian Hadiah</b> XCO – WO & MO XCO – MM A & MM B DHI – WE & ME XCO – MJ, MU23, ME XCO – WJ, WU23, WE	

## 12. UPACARA RASMI / OFFICIAL CEREMONY

Selaras dengan jadual dalam jadual perlumbaan yang diterbitkan dalam para 11, Juara Kebangsaan, pelumba kedua dan ketiga hendaklah bersedia untuk upacara rasmi yang akan dijalankan di bawah tanggungjawab Presiden Commissaire.

*In accordance with the order set in the race programme published in paragraph 11, the National Champion, the second and the third placed riders shall be ready for the official ceremony that shall be conducted under the responsibility of the President Commissaire.*

Protokol berikut akan dipakai untuk upacara rasmi: dalam masa 10 minit selepas berakhirnya setiap perlumbaan (kecuali dinyatakan sebaliknya dan dicatat dengan sewajarnya dalam komuniq e rasmi), Juara Kebangsaan, pelumba yang kedua dan ketiga akan bersedia untuk upacara rasmi yang akan dijalankan di bawah tanggungjawab Presiden Commissaire. Pelumba hendaklah memakai pakaian perlumbaan, memakai jersi pasukan negeri tanpa memakai topi atau cermin mata gelap, sehingga majlis selesai.

*The following arrangements will apply to the official ceremonies: Within 10 minutes following the end of each race (unless otherwise provided and duly recorded in an official communiq e), the National Champion, the second and the third placed riders shall be ready for the official ceremony that shall be conducted under the responsibility of the President Commissaire. Riders shall appear in racing attire, wearing their national jerseys but bareheaded and without headband or glasses, until they leave the official ceremony enclosure.*

Apa-apa pelanggaran peruntukan perkara 9.1.044 hingga 9.1.050 di atas akan dihukum dengan denda CHF 2'000 sehingga CHF 10'000.

*Any infringement of the provisions of articles 9.1.044 to 9.1.050 above shall be punished by a fine of CHF 2'000 to CHF 10'000. A higher fine may be imposed depending on the advantage derived from the offence.*

## 13. JERSI & PINGAT / JERSEYS & MEDALS

Pemenang 1 hingga 3 akan menerima ;

13.1 Pingat Emas, Perak dan Gangsa

13.2 Jersi Juara Kebangsaan kepada Johan setiap kategori dan disiplin.

*1<sup>st</sup> to 3<sup>rd</sup> winner shall receive;*

13.1 *Gold, Silver and Bronze medals.*

13.2 *Malaysian National MTB Championships jersey will be awarded to the winners in all categories.*

## 14. PETA PERLUMBAAN / RACE MAP: CROSS COUNTRY & DOWNHILL

